Jenayah merupakan fenomena yang berlaku dalam realiti dan mempunyai potensi yang tinggi untuk mempengaruhi persepsi individu terhadap jenayah. Hal ini menyebabkan kebimbangan yang mendalam dalam kalangan masyarakat. Kebimbangan adalah bersifat subjektif melibatkan emosi dan tingkah laku terhadap jenayah yang menyebabkan individu berasa risau, tidak selamat dan tidak selesa sebanyak mungkin dapat mempengaruhi kesihatan mental, fizikal dan kualiti hidup (Jubit et al., 2019). Di peringkat global, jenayah kekerasan dilaporkan sebagai jenayah yang paling kerap berlaku, tetapi apabila dianalisis mengikut kawasan, jenayah harta benda dilaporkan lebih kerap berlaku di negara-negara Asia (UNODC, 2015). Di Malaysia, jenayah harta benda menjadi penyumbang utama kepada indeks jenayah (PDRM, 2018).

Analisis *Hotspot* Indeks Jenayah merupakan satu kajian yang memberi tumpuan kepada lokasi-lokasi tertentu di mana kadar jenayah adalah tinggi dalam sesuatu kawasan. Kajian ini penting kerana membantu pihak berkuasa tempatan untuk memahami corak jenayah dalam sesuatu komuniti. Di Malaysia, kebanyakan kawasan dipantau oleh pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Jenayah merupakan satu cabaran besar di Malaysia, seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu,

BAB 4

Kajian Pemerhatian berdasarkan Prinsip dan Amalan Konsep Bandar Selamat di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

*Na'asah Nasrudin, Yusfida Ayu Abdullah, Raja Norashekin Raja Othman, Siti Fatimah Hashim &
Siti Rasidah Md Sakip*



PENGENALAN

Proses perbandaran telah menimbulkan pelbagai permasalahan di kawasan-kawasan bandar. Antara masalah perbandaran yang hangat diperkatakan bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan hingga ke peringkat antarabangsa adalah isu keselamatan masyarakat yang dikhuatiri semakin mengancam kualiti hidup masyarakat di bandar (Samuni et al., 2019). Perlakuan jenayah adalah antara kesan negatif akibat perkembangan bandar (Nor-Ina & Norizan, 2007). Kenyataan ini disokong oleh Sidhu (2005), iaitu ketakutan orang ramai tentang jenayah adalah kebimbangan utama bagi penggubal dasar, lebih-lebih lagi jika melibatkan peningkatan jenayah harta benda dan kekerasan. Keadaan ini tentunya akan mempengaruhi aspirasi pembangunan lestari untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat hari ini dan generasi akan datang. Block (2011) telah meletakkan kepentingan aspek keselamatan ini sebagai ukuran kedua selepas keperluan fisiologi sebagai syarat untuk mencapai kualiti hidup yang baik.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh semua pihak yang berkepentingan bagi menurunkan statistik kadar jenayah di Malaysia yang melibatkan PDRM dan penyertaan awam serta agensi-agensi kerajaan mahupun NGO antaranya adalah dengan pelaksanaan Program inisiatif Bandar Selamat yang telah dilaksanakan sejak tahun 2004. Menurut Jubit et al. (2022), pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa pelan

BAB 5

Keberkesanan Program Bandar Selamat di Johor Mengikut Pandangan Wakil Komuniti: Hasil Dapatan Analisis Kualitatif

Nur Huda Jaafar, Rashidah Mokhtar, Siti Afiqah Mohammad, Muhammad Hazwan A Rahman & Asmalia Che Ahmad



PENGENALAN

Keselamatan negara adalah satu keutamaan kepada mana-mana negara. Dengan adanya sistem keselamatan negara yang bersistematik dan berkualiti tinggi, secara tidak langsung ia memberi impak yang besar, terutamanya kepesatan ekonomi dan keharmonian penduduk. Program Bandar Selamat (PBS) merupakan satu inisiatif dari kerajaan Malaysia yang telah diadakan sejak 2004. Konsep bandar selamat adalah satu usaha bagi mengekang jenayah, mengurangkan kebimbangan terhadap jenayah dengan mengambil kira konsep makro seperti bandar mampan, bandar berdaya huni dan bandar pintar (Lim et al., 2021).

Tumpuan di kawasan bandar diberikan kerana proses perbandaran memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara (Rameli et al., 2019). Kepesatan di kawasan bandar juga adalah faktor peningkatan kadar jenayah kerana bandar adalah kawasan tumpuan orang ramai. Sehubungan dengan itu, langkah proaktif bagi mengekang peningkatan kadar jenayah di kawasan bandar perlu diambil.

Program Bandar Selamat (PBS) dilaksanakan di beberapa bandar terpilih. Di Johor terdapat tiga kawasan yang melaksanakan PBS, iaitu kawasan di bawah kelolaan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Bab ini

BAB 6

Kajian Pemerhatian Program Bandar Selamat di Negeri Melaka

Nor Eeda Hj Ali, Norizan Mt Akhir, Yarina Ahmad & Muhammad Falihin Jasmi



PENGENALAN

Kajian pemerhatian merupakan instrumen bagi menilai sesuatu kawasan yang mempunyai kriteria tertentu untuk membuat pengesahan sesuatu kajian. Dalam bab ini, kawasan yang dinilai adalah kawasan *blackspot* yang disenaraikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu kawasan jangkaan berlaku jenayah. Kaedah ini dapat mengumpulkan maklumat yang objektif dan terperinci tentang elemen-elemen pencegahan jenayah yang wujud dan keadaan sebenar yang berlaku di kawasan kajian. Pemerhatian berstruktur dilakukan dengan menggunakan struktur atau panduan yang telah ditetapkan seperti menyediakan senarai semak (*checklist*) item yang akan diperhatikan dan gambar-gambar kawasan kajian. Pemerhatian berstruktur adalah pendekatan yang sistematik untuk mengumpulkan data melalui pemerhatian langsung situasi atau keadaan kawasan yang ingin dikaji (Glazier, 1985; Weston et. al., 2023). Kajian pemerhatian ini adalah membuat pemerhatian terhadap elemen-elemen di bawah Program Bandar Selamat (PBS) berdasarkan Strategi Satu (1) (Mereka bentuk persekitaran fizikal) dan Strategi Dua (2) (Memperkasakan kawasan sasaran) seperti yang terkandung di dalam garis panduan Bandar Selamat (PLAN Malaysia, 2013). Senarai elemen yang disemak dan diperhatikan juga dibina dengan berpanduan elemen-elemen *Crime Prevention Through Environmental Design*

BAB 7

Memahami Kaedah dan Amalan Program Bandar Selamat (PBS) melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama Pihak Berautoriti: Kajian Kes Wilayah Utara

Mohamad Hanif Abu Hassan, Rabitah Harun, Nurul Hayani Abd Rahman & Nadiyanti Mat Nayan



PENGENALAN

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) merupakan salah satu daripada enam (6) langkah segera yang diperkenalkan dalam Program Bandar Selamat (PBS). Sistem ini dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). SPBS telah membawa satu transformasi ke atas *Police Reporting System* (PRS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah mengintegrasikan elemen penandaan kejadian jenayah di atas peta atas pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dilengkapi dengan koordinat.

Antara objektif yang digariskan ialah memantau keberkesanan pelaksanaan PBS dalam menangani jenayah jalanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mengenal pasti kawasan *hotspot* sedia ada dan berpotensi, corak jenayah dan lokasi yang kerap berlaku jenayah dan menyediakan maklumat untuk penguatkuasaan langkah-langkah pencegahan jenayah.

BAB 8

Mengenal Pasti Amalan Bandar Selamat melalui Kaedah Pemantauan: Kajian Kes Wilayah Utara

Rabitah Harun, Nurul Hayani Abd Rahman, Mohamad Hanif Abu Hassan Rabitah Harun & Nadiyanti Mat Nayan



PENGENALAN

Program Bandar Selamat (PBS) telah dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 2004. Program ini mengaplikasikan tiga (3) strategi utama dalam mengurangkan kadar jenayah. Program ini yang kini diletakkan di bawah tanggungjawab PLANMalaysia dan telah dilaksanakan oleh setiap PBT di peringkat bandar. Penekanan kepada mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera turut ditekankan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11). Secara keseluruhannya, tiga strategi utama dan lima belas langkah bandar selamat telah diperkenalkan.

Bab ini akan memfokuskan kepada amalan bandar selamat yang telah dikenal pasti melalui pemerhatian kawasan *blackspot* di tiga buah negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Ianya melibatkan empat belas (14) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu sebelas (11) PBT di negeri Kedah, dua (2) di negeri Pulau Pinang dan satu (1) di negeri Perlis (rujuk Jadual 8.1).

Jadual 8.1: Pihak Berkuasa Tempatan di Ketiga-tiga Buah Negeri
Sumber: Penyelidik (2023)

Kedah	Pulau Pinang	Perlis
11	2	1

BAB 9

Persepsi Pihak Berfokus terhadap Program Bandar Selamat di Perak

Nurain Mohd Talmizi, Nor Eeda Haji Ali & Norazah Abd Rahman



PENGENALAN

Perancangan bandar merupakan satu seni dan sains bagi merancang susun atur kehidupan komuniti bandar supaya mewujudkan suasana lebih terancang, sejahtera dan sempurna melalui gabungan alam bina dan alam sekitar secara mampan. Pembandaran ialah proses perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar dari segi fizikal, sosial dan ekonomi bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk. Namun dari aspek lain, proses pembandaran ini memberikan cabaran yang berkait dengan soal keselamatan, sama ada di peringkat individu mahupun kepada penduduk bandar itu sendiri. Isu keselamatan merupakan antara masalah pembandaran yang mendapat perhatian dan sering dibincangkan di peringkat tempatan, persekutuan sehingga ke peringkat antarabangsa. Permasalahan yang sering timbul berkaitan aspek keselamatan di kawasan bandar antaranya adalah disebabkan oleh perlakuan jenayah.

Perlakuan jenayah sering dikaitkan berlaku dengan kadar yang tinggi di kawasan bandar berbanding dengan kawasan lain. Pertambahan penduduk yang semakin pesat dan desakan hidup yang semakin meningkat telah mendorong kepada peningkatan perlakuan jenayah. Kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini mengandaikan bahawa perlakuan jenayah lebih tinggi berlaku di kawasan bandar, kesan daripada kepesatan perbandaran tersebut. Di

BAB 10

Keberkesanan, Amalan Terbaik dan Penambahbaikan Program Bandar Selamat di Negeri Terengganu dan Kelantan

Najihah Marha Yaacob, Rosman Mahmood, Hajar Jaafar, Norizan Mt Akhir & Siti Rasidah Md Sakip



PENGENALAN

Konsep bandar selamat mula diperkenalkan di United Kingdom sejak tahun 1980-an. Asas penting konsep tersebut adalah untuk mewujudkan kerjasama dalam kalangan peniaga, penguatkuasa undang-undang dan kerajaan tempatan bagi mengawal kegiatan jenayah di kawasan metropolitan di mana aktiviti ekonomi dijalankan. Program tersebut menjadi model untuk pelaksanaan di beberapa bandar utama seluruh dunia. Objektif utama pelaksanaan Program Bandar Selamat (PBS) adalah untuk membentuk kesejahteraan komuniti menerusi pencegahan jenayah di kawasan bandar. Inisiatif ini penting bagi memastikan sesuatu kawasan bandar terhindar daripada semua ancaman jenayah sama ada berbentuk sosial, fizikal dan mental. Keadaan ini dapat mewujudkan persekitaran bandar yang terjamin dari segi kesejahteraan penghuni. Di Malaysia, konsep bandar selamat mula disuarakan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia pada tahun 1998 yang mengutarakan pandangan tentang keperluan untuk memastikan bandar bebas dari unsur jenayah demi kesejahteraan komuniti. Pada tahun 2004, selepas mendapat kelulusan kabinet PBS mula diperkenalkan secara lebih terancang sebagai salah satu inisiatif kerajaan bagi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan

BAB 11

Keberkesanan Program Bandar Selamat di Kawasan *Blackspot*, Pahang

Siti Zalfah Mahmud, Noorshashillawati Azura Mohammad, Rosmah Nizam, Nurhani Izzati Mohd Hanifah & Nor Eeda Hj Ali



PENGENALAN

Negeri Pahang merangkumi kawasan seluas 35,965 kilometer persegi (km²) terbahagi kepada 11 buah daerah pentadbiran iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Maran, Bera, Jerantut, Temerloh, Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highlands. Jumlah keseluruhan penduduk di negeri ini kira-kira 1.75 juta orang dengan kepadatan penduduk seramai 48.6 orang bagi setiap km² (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, 2017). Bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin, Kerajaan Negeri Pahang adalah bertanggungjawab melaksanakan Program Bandar Selamat (PBS). Keselamatan faktor utama yang perlu dititikberatkan kerana situasi negara yang aman, makmur dan harmoni membolehkan masyarakat dan negara dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ke arah yang lebih baik (Burhanudin, 2015). Program Bandar Selamat telah dimulakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 10 Ogos 2004 dengan memfokuskan kepada langkah-langkah pencegahan jenayah jalanan (Unit Khas NKRA Bandar Selamat, 2010). Pada tahun 2022 – 2025, Kementerian Dalam Negeri melalui Bahagian Keselamatan telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan agihan peruntukan RM10 juta setahun untuk inisiatif pemutihan kawasan *blackspot*. Kawasan *blackspot* di Pahang untuk kajian Bandar Selamat 2023 melibatkan

BAB 12

Penglibatan Komuniti dan Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan Program Bandar Selamat: Kajian Kes bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Nadiyanti Mat Nayan, Asmalia Che Ahmad, Muhammad Falihin Jasmi & Nur Hisham Ibrahim



PENGENALAN

Konsep Bandar Selamat merupakan satu konsep yang diperkenalkan di United Kingdom sekitar tahun 1980-an. Konsep ini dianggap inisiatif yang praktikal dalam mengurangkan insiden jenayah (Crawford, 1998). Di Malaysia, konsep ini bermula pada tahun 2004. Berdasarkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia), Bandar Selamat didefinisikan sebagai **“bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental”** (PLAN Malaysia, 2022). Bandar Selamat merangkumi persekitaran yang kondusif, terpelihara, sejahtera dan ceria.

Berdasarkan 46 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pernah menerima peruntukan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi Program Bandar Selamat (PBS), Indeks Jenayah bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah di antara kedudukan 16 hingga 46 yang dikira secara kumulatif bermula pada tahun 2017 hingga 2022 (rujuk Jadual 12.1).

BAB 13

Kawasan *Blackspot* dan Teori Perpindahan Jenayah di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Nadiyanti Mat Nayan, Asmalia Che Ahmad & Yarina Ahmad



PENGENALAN

Blackspot merupakan kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat dari segi jenayah dan mempunyai rekod jenayah yang tinggi. Kawasan *blackspot* ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mendapat persetujuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana telah dibentangkan dan diperakui dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT. Berikutan itu, Kerajaan dan agensi berkaitan telah mengambil inisiatif untuk memutihkan kawasan *blackspot*.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengambil inisiatif dengan menyediakan peruntukan manakala PLANMalaysia telah memperakui 39 kawasan di 27 PBT sebagai kawasan *blackspot*. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Perpaduan Negara (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sebagai ahli jawatankuasa mengambil keputusan mengagihkan peruntukan bagi memutihkan kawasan *blackspot*. Jumlah peruntukan inisiatif pemutihan kawasan *blackspot* dari tahun 2010 hingga 2020 adalah sebanyak RM 309.70 juta. Seterusnya, dari tahun 2022 hingga 2025, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Bahagian Keselamatan, memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk pelaksanaan Program Bandar Selamat (PBS) yang disalurkan melalui

BAB 14

Keberkesanan Program Bandar Selamat di Sarawak: Kajian Kes di Kuching

Ummi Farhani Firdaus, Nurul Aqmal Roslan, Chai Shin Yi, Sarehan Sadikin, Nur Farhani Samasu,
Siti Rasidah Md Sakip & Norizan Mt Akhir



PENGENALAN

Kajian Program Bandar Selamat merupakan satu inisiatif yang begitu penting dalam menilai tahap keselamatan sesebuah bandar. Tahap penilaian ini dinilai dari pelbagai aspek dan pelbagai strategi diletakkan bagi pemerkasaan keselamatan sesebuah bandar. Berdasarkan Kajian Keberkesanan Program Bandar Selamat 2023, strategi utama digariskan bagi mengukur tahap keberkesanan Program Bandar Selamat pada masa kini.

Strategi pertama adalah melalui mereka bentuk persekitaran fizikal (*Environmental Design Initiatives*). Melalui strategi pertama ini, terdapat tiga (3) komponen yang telah disenaraikan yang mana melibatkan pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor, pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat atau *Crime Prevention through Environmental Design* (CPTED) serta yang terakhir melibatkan pemetaan *Geographic Information System* (GIS) jenayah dan Program Bandar Selamat.

Seterusnya, strategi kedua adalah memperkasakan kawasan sasaran *target hardening*. Menerusi strategi ini, terdapat sembilan (9) komponen yang telah disenaraikan iaitu melalui penyediaan balai polis tetap atau bergerak, penyediaan cermin keselamatan, penyediaan papan tanda peringatan jenayah, penyediaan penggera keselamatan, penyediaan tempat motosikal berkunci, pemasangan

BAB 15

Kesimpulan

Nor Eeda Hj Ali & Asmalia Che Ahmad



Program Bandar Selamat telah diperkenalkan semenjak tahun 2004, program ini telah menjadi landasan penting untuk memberikan jaminan keselamatan terhadap kehidupan yang lebih aman dan selamat dari ancaman jenayah terhadap masyarakat Malaysia. Program Bandar Selamat (PBS) di Malaysia ini berpaksikan kepada konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Pendekatan yang digunakan selama 20 tahun ini telah membuktikan kesan yang signifikan dengan penurunan kadar jenayah, meningkatkan perasaan selamat dan mengurangkan kebimbangan terhadap jenayah, terutamanya di kawasan perumahan bandar. Ini telah menampakkan kesan yang positif terhadap usaha dan kesungguhan Kerajaan. Walau bagaimanapun, ianya hanya bertepatan di peringkat dasar atau polisinya sahaja. Sebaliknya apabila di peringkat perlaksanaan serta keberkesanannya terhadap masyarakat ianya ternyata masih mempunyai pelbagai aspek untuk diperbaiki.

Berdasarkan kajian PBS yang dijalankan melalui temu bual berfokus (FGD), temu bual mendalam (IDI) dan soal-selidik ternyata PBS adalah signifikan walaupun terdapat beberapa kelemahan. Pihak responden kajian amat mengharapkan pelaksanaan PBS perlu diberi tumpuan kepada ketiga-tiga strategi iaitu Strategi Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal, Strategi Memperkasakan Kawasan Sasaran dan Strategi Pengurusan Penyertaan Komuniti dan Kesedaran Awam.

RUJUKAN

- Ahmad Kamil, Mohamed. (2006). *Bandar Bebas Jenayah*. Utusan Malaysia, 14 Ogos. Tarikh capaian pada 09 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>
- Ahmad, A., Masron, T., Ringkai, E., Barawi, M. H., Salleh, S., Jubit, N., 2024. Analisis ruangan *Hotspot* jenayah pecah rumah di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2015-2020. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. 20(1), 49-67. © 2024, e-ISSN 2682-7727 <https://doi.org/10.17576/geo-2024-2001-04>.
- Ahmad Nazri, M,L., Norsiah, A.A., Nooraini, H,Y., & Wan, J,W,A,R. (2013). Impacts of urban land use on crime patterns through GIS application. *Planning Malaysia Geospatial Analysis in Urban Planning*, II, 1-22.
- Ahmad, N. A., & Zainab, K. (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat Sebagai asas keselamatan industri pelancongan di bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 51(E), Dis. 2009, 123-137.
- Ali, N. E. (2007). *Pembangunan Komuniti di dalam Perlaksanaan Konsep Bandar Selamat Kajian Kes: Bukit Jelutong, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Amar Singh Sidhu. (2006). Crime Levels and Trends in The Next Decade. *Journal of The Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, 5, 1-13.
- Anuar, A. N. A. & Khalifah, Z., (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat Sebagai Asas Keselamatan Industri Pelancongan Di Bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 123-137.
- Annemarie, R., Marie, D, Peter, P.G., Wim H., & Karien, S. (2015). Social safety, self-rated general health and physical activity: Changes in area crime, area safety feelings and the role of social cohesion. *Health & Place*, 31, 39-45.
- Bernama (2023). *Jenayah komersial tahun ini tunjuk trend meningkat – JSJK*. Retrieve from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenayah-komersial-tahun-ini-tunjuk-trend-meningkat-jsjk-441452>
- Burhanuddin, J. (2015). Tahap Penghayatan Islam Dalam Pengurusan Diri Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(2), 34-41.
- Birkbeck, C., & Lafree, G. (1993). The Situational Analysis of Crime and Deviance. *Annu. Rev. Social*, 19, 113-137.
- Botrić, V. (2021). Does crime affect firm performance: Evidence from post-transition economies. *InterEULawEast: Journal for the International and European Law, Economics and Market Integrations*, 8(1), 57-74. <https://doi.org/https://doi.org/10.22598/iele.2021.8.1.4>
- Bowers, K. J.& Johnson, S. D. (2003). Measuring the Geographical Displacement and Diffusion of Benefit Effects of Crime Prevention Activity. *Journal of Quantitative Criminology*. 19 (3): 275-301.

DOI:10.1023/A:1024909009240. ISSN 0748-4518.
S2CID 132992283.

Block, M. (2011). Maslow's Hierarchy of Needs. Crawford, A. (1998). *Crime Prevention and Community Safety: Politics, Policies and Practices*. Longman.

Canadian Municipal Network on Crime Prevention. (2022). *Community Safety Plan*. Retrieved from <https://www.kelowna.ca/city-services/safety-emergency-services/community-safety-plan>

Chua, T. Y., Chan, V. H., Basheer, R., Lim, S. K. Y., Tan, G. B., Then, S. W., Balakrishnan, S., & Shah, I. A. (2023). An Implementation of Efficient Smart Street Lights with Crime and Accident Monitoring: A Review. *Journal of Survey in Fisheries Sciences*, 10(1), 287-305.

Cheng, B., Chen, L., & Yang, B. (2023). Qualitative exploration and correction strategies of the criminal psychological mechanism of the Burglars. *International Journal of Mental Health Promotion*, 25(4), 595-611. <https://doi.org/https://doi.org/10.32604/ijmh.2023.027321>

Choi, K., & Lee, J. (2016). Citizen participation in community safety: A comparative study of community policing in South Korea and the UK. *Policing and Society*, 26(2), 165-184. <https://doi.org/10.1080/10439463.2014.922087>

Crawford, A. (1998). *Crime prevention and community safety: Politics, policies and practices*. Harlow: Longman

Crowe, T. D. (2000). *Crime Prevention Through Environmental Design: Applications of Architectural Design and Space Management Concepts*. United States of America, National Crime Prevention Institute.

- Dain, K., & Hohyun, L. (2016). Crime trend analysis by changes of spatial autocorrelation and *Hotspot*. *Proceedings of the 2016 International Conference on Industrial Engineering and Operations Management* (hlm. 1854-1865). Kuala Lumpur, Malaysia: IEOM Society International.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Carian Umum*. <https://prpm.dbp.gov.my>
- Dewan Bandaraya Kuching Utara. (n.d.). <https://dbku.sarawak.gov.my/>
- Donder, L. D., Verte, D. & Messelis, E. (2005) Fear of Crime and Elderly people: Key Factors That Determine Fear of Crime Among Elderly People in West Flanders. *Ageing International*, 30, 363-376.
- Dorling, P. (2013, November 25). *Singapore, South Korea revealed as Five Eyes spying partners*. The Sydney Morning Herald. Retrieved from <https://www.smh.com.au/technology/singapore-south-korea-revealed-as-five-eyes-spying-partners-20131124-2y433.html>
- Edwards, R. (2023, October 28). *Burglaries, thefts, and surprising stats: FBI reveals 2022 property crime trends*. *SafeWise*. <https://www.safewise.com/news/burglaries-thefts-and-surprising-stats-fbi-reveals-2022-property-crime-trends/>
- Economy Planning Unit, (2021). *12th Malaysian Plan*. Department of Prime Minister. *Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2013)*. Buku Program Bandar Selamat edisi ke-2. Malaysia.
- Ekblom, P. (1995) Less Crime, by Design. *The ANNALS of The American Academy of Political and Social Science*, 539, 114-129.
- Getis, A., & Ord, J. K. (1992). The Analysis of Spatial Association by Use of Distance Statistics.

MENJEJAKI KESELAMATAN BANDAR

Pengalaman dalam

Amalan Program Bandar Selamat

Dalam era urbanisasi pesat, keselamatan bandar menjadi keutamaan yang tidak boleh diabaikan. "MENJEJAKI KESELAMATAN BANDAR PENGALAMAN DALAM AMALAN PROGRAM BANDAR SELAMAT: Bukti Empirikal Daripada Hasil Penyelidikan" membawa pembaca menyelami langkah-langkah dan strategi yang telah diambil untuk meningkatkan keselamatan di bandar-bandar kita. Buku ini menyajikan kajian kes dan analisis mendalam mengenai program-program keselamatan bandar yang berjaya, serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Kandungan buku ini adalah berdasarkan keadaan sebenar di tapak kajian melalui kaedah soal selidik, temubual, perbincangan kumpulan berfokus dan pemerhatian.

Dengan pendekatan yang komprehensif dan berlandaskan data, buku ini merupakan rujukan penting bagi penggubal dasar, perancang bandar, dan sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami dan meningkatkan keselamatan dalam persekitaran bandar. Ia juga sesuai sebagai bahan rujukan kepada para pelajar di dalam bidang alam bina dan persekitaran terutamanya dalam bidang Senibina, Perancangan Bandar, Senibina Landskap dan Perbandaran. Temui kisah pengalaman dan kejayaan dari bandar-bandar yang telah berjaya mengubah wajah keselamatan mereka.



ISBN 978-629-490-165-0



9 786294 901650

**PENERBIT
UTHM**

